

MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS
KENYATAAN MAKLUMAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR
BAGI MENJALANKAN KERJA-KERJA KECIL

TARIKH : 11 APRIL 2023

1. Tawaran pendaftaran kontraktor adalah dipelawa kepada **KONTRAKTOR BUMIPUTERA TEMPATAN** yang mempunyai **SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)** yang berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM / CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan bagi menjalankan kerja-kerja kecil di Majlis Perbandaran Kangar Perlis. :-

BIL.	GRED	KATEGORI	PENGGHUSUSAN
1.	G1	CE - KEJURUTERAAN AWAM	CE21 - PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM
2.	G1	CE - KEJURUTERAAN AWAM	CE14 - LANDSKAP DILUAR BANGUNAN
3.	G1 / G2 / G3	ME - ELEKTRIK	E11 - KERJA AM ELEKTRIK
4.	G1	ME - MEKANIKAL	M01 - SISTEM HAWA DINGIN DAN PENGEDARAN UDARA

2. Pihak tuan / puan hanya dibenarkan mendaftar bagi salah satu kategori sahaja. Had nilai yang akan ditawarkan adalah melibatkan kerja-kerja kecil bagi kaedah perolehan secara lantikan terus berdasarkan tatacara yang berkuatkuasa.
3. Nombor giliran untuk lantikan terus akan ditentukan berdasarkan cabutan oleh pihak Majlis. Pendaftaran ini tidak boleh ditakrifkan sebagai jaminan untuk mendapat tawaran kerja daripada pihak Majlis.
4. **PENDAFTARAN INI WAJIB DILAKUKAN SENDIRI OLEH PENAMA YANG DITAULIAHKAN SEPERTI NAMA DALAM SIJIL PENDAFTARAN SAHAJA. SILA BAWA BERSAMA :**
 - 4.1 KAD PENGENALAN (SERTA SALINAN)
 - 4.2 COP SYARIKAT
 - 4.3 PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (SERTA SALINAN)
 - 4.4 SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN DAN SIJIL TARAF BUMIPUTERA (SERTA SALINAN).

TUAN/PUAN JUGA DIPOHON MELAMPIRKAN BERSAMA SALINAN SIJIL PERAKUAN/PENGIKTIRAFAN KERJA OLEH SPAN (SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA) DAN/ATAU SURUHANJAYA TENAGA (ST), SEKIRANYA ADA.

PENDAFTARAN HANYA BOLEH MENGGUNAKAN BORANG ASAL YANG DIKELUARKAN OLEH MPK.

MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS
KENYATAAN MAKLUMAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR
BAGI MENJALANKAN KERJA-KERJA KECIL

TARIKH : 11 APRIL 2023

5. Tempoh untuk pendaftaran ini adalah bermula daripada **28 APRIL 2023 (JUMAAT) HINGGA 10 MEI 2023 (RABU)** pada waktu pejabat :-

A) MASA PENDAFTARAN : 8.30 PAGI – 4.30 PETANG

B) WAKTU REHAT : 1.00 TENGAHARI - 2.00 PETANG (ISNIN - KHAMIS)
: 12.15 TENGAHARI - 2.45 PETANG (JUMAAT)

**PERHATIAN : PERMOHONAN YANG TIDAK MEMATUHI SYARAT YANG DITETAPKAN
DALAM KENYATAAN INI AKAN DITOLAK.**

YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS.